

UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN WARGA EMAS BAGI KESEJAHTERAAN INSTITUSI KELUARGA

Mashitah Nabees Khan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: 20mt21001@student.kuis.edu.my

Nor 'Adha Abd Hamid
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: noradha@kuis.edu.my

Sharifah Hana Abd Rahman
Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: sharifahhana@kuis.edu.my

ABSTRAK

Populasi warga emas di dunia akan mencecah 2.1 billion menjelang tahun 2050. Manakala Malaysia berdasarkan unjuran daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pula bakal berstatus negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas mencapai lima belas peratus (15%) atau tiga per dua puluh (3/20) daripada jumlah keseluruhan penduduk. Isu peningkatan populasi warga emas telah menjadi satu topik utama yang dibincangkan di seluruh dunia. Malaysia perlu bersedia bagi berhadapan dengan status ini dengan memastikan setiap pelaksanaan tindakan, perancangan dan reka bentuk dalam perancangan nasional memenuhi keperluan warga emas. Salah satu perkara yang perlu dititik beratkan adalah undang-undang perlindungan warga emas bagi kesejahteraan institusi keluarga. Warga emas juga mempunyai hak dan keistimewaan dalam meneruskan kehidupan seharian sesuai dengan peringkat usia mereka namun seringkali diabaikan terutama dalam pemerkasaan undang-undang. Undang-undang merupakan aspek utama dalam memastikan satu sistem peraturan atau norma dipatuhi oleh individu dan masyarakat. Namun, Malaysia masih belum menggubal satu undang-undang khusus dalam melindungi warga emas. Malah Malaysia juga masih dalam perbincangan penetapan definisi umur warga emas. Kes dan isu melibatkan penderaan dan pengabaian warga emas juga tidak disensasikan di media akhbar sebagaimana kes dan isu melibatkan individu yang lain. Hal ini perlu ditangani segera kerana warga emas juga merupakan individu yang patut diberikan hak dan keistimewaan sama rata sesuai dengan umur dan keperluan mereka. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji dan menganalisa undang-undang yang terpakai terhadap perlindungan warga emas di Malaysia. Hal ini bagi mengenalpasti kelompondan di dalam undang-undang sedia ada dan keperluan kepada satu undang-undang yang khusus. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan metodologi kepustakaan bagi mengumpul data dan menganalisa peruntukan undang-undang sedia ada yang terpakai melibatkan warga emas di Malaysia. Manakala penganalisan data menggunakan kaedah deskriptif. Antara undang-undang yang terlibat dalam kajian ini adalah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), Kanun Keseksaan, dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

Kata kunci: warga emas, undang-undang, perlindungan.

PENDAHULUAN

Warga emas adalah golongan yang telah diklasifikasikan sebagai individu yang berumur enam puluh tahun dan ke atas (Che Leman Hamzah, 2003). Demikian juga definisi oleh *World Assembly on Aging* mendefinisikan warga emas sebagai individu yang berumur enam puluh tahun dan ke atas (World Assembly on Aging, 1982). *World Health Organization* pula merujuk warga emas sebagai individu yang telah bersara daripada dunia pekerjaan (World Health Organization, 2021). Manakala Jabatan Perangkaan Malaysia menetapkan umur warga emas adalah pada 65 tahun dan ke atas (Mohd Uzir, 2017; Pejabat Ketua Perangkawan Malaysia, 2016). Berbeza dengan pakar gerontologi, mereka membahagikan warga emas kepada dua kategori iaitu yang pertama yang berumur 65 hingga 74 tahun iaitu pada peringkat tua awal manakala kategori yang kedua ialah 75 tahun ke atas iaitu peringkat umur tua akhir (Orimo, H., Ito, H., Suzuki, T., Araki, A., Hosoi, T., & Sawabe, M., 2006). Namun begitu, Portal Rasmi Bahagian Pasca Perkhidmatan membahagikan kategori warga emas berdasarkan umur kepada 3 bahagian iaitu tua muda (65-74 tahun), tua-tua (75-84 tahun) dan paling tua-tua (85 tahun dan ke atas) (Portal Rasmi Bahagian Pasca Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam, 2021).

Terdapat pelbagai definisi warga emas namun perlu ada satu ketetapan yang khusus dan jelas berhubung had umur warga emas bagi memudahkan pelbagai urusan berkaitan warga emas di Malaysia terutama melibatkan undang-undang dan hak yang melibatkan warga emas. Hal ini perlu diambil serius berikutan satu kenyataan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), bahawa Malaysia bakal berhadapan dengan negara tua pada tahun 2030. Negara tua adalah apabila penduduk warga emas melebihi 15% atau tiga per dua puluh (3/20) daripada jumlah keseluruhan penduduk negara. Kajian oleh *Social Wellbeing Research Centre*, Universiti Malaysia pada tahun 2019 menunjukkan jumlah penduduk Malaysia yang akan mencapai tahap warga emas ialah seramai 3.5 juta pada tahun 2030 dan 6.3 juta pada tahun 2040 (Social Wellbeing Research Centre, 2019).

Oleh yang demikian, Malaysia sebagai sebuah negara yang akan menjadi negara tua perlu lebih bersiap sedia dalam setiap aspek bagi memenuhi keperluan setiap golongan individu termasuk warga emas.

ISU DAN PERMASALAHAN WARGA EMAS DI MALAYSIA

Berikutan daripada itu, antara cabaran yang dihadapi oleh warga emas ialah keadaan kesihatan yang menurun, isu pemakanan, isu perlindungan dan keselamatan, kemurungan, keadaan mental yang kurang stabil dan isu kewangan (Abd Hamid Abd Murad, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Mustafa 'Afifi Ab Halim, Hussein 'Azeemu Abdullah Thaidi dan Azman Ab Rahman, 2019). Malah isu dan permasalahan sosio-ekonomi dan kemiskinan dalam kalangan warga emas masih signifikan dan memerlukan banyak penambahbaikan (Martin, Claudia, Diego Rodríguez-Pinzón, and Bethany Brown, 2015; Masud, Jariah, and Zumilah Zainalaludin, 2018; Ramely, Aslinda, Yarina Ahmad, and Nor Hafizah Mohamed Harith, 2018). Walaupun inisiatif pembasmian kemiskinan di Malaysia secara umumnya dilihat positif namun permasalahan kemiskinan di kalangan populasi warga emas masih perlu diteliti secara komprehensif (Azahari, Raihanah, Asmak Ab Rahman, Raihanah Abdullah, and Mardhiah A. Rahim, 2018; Masud, J., and T. A. Hamid, 2017).

Malaysia juga berhadapan dengan pelbagai isu dan permasalahan melibatkan warga emas namun kurang disensasikan di dalam media sosial tidak seperti isu dan permasalahan melibatkan wanita dan kanak-kanak.

Contoh kes melibatkan undang-undang syariah adalah apabila seorang pensyarah universiti disaman oleh ibu bapanya sendiri kerana tidak memberikan nafkah kepada mereka (Utusan Malaysia, 2010). Kes ini telah dibicarakan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. Menurut ibu dan bapa kepada Defendan, mereka telah diusir daripada rumah mereka sendiri setelah rumah tersebut dipindah milik kepada Plaintiff namun Defendan gagal memenuhi janji tersebut dengan alasan gaji yang diperolehi tidak mencukupi untuk menyara Plaintiff. Mahkamah telah memerintahkan Defendan membayar kepada kedua-dua Plaintiff sebanyak RM250 seorang berjumlah RM500. Di dalam kes ini, bapa kepada Defendan berumur 72 tahun manakala ibunya berumur 64 tahun yang boleh dikategorikan dalam golongan warga emas (Kassim Bin Othman & Fatimah Binti Salleh v. Raja Suzana Binti Raja Kasim & Zul Azli Bin Hashim, 2010).

Demikian juga kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan di bawah Seksyen 60 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Sembilan 1983. Di dalam kes ini, Plaintiff iaitu bapa kepada Defendan telah membuat tuntutan nafkah daripada Plaintiff bagi membiayai kos perubatan ibu tiri Defendan yang juga telah membesarkan Defendan sejak kecil dan merupakan isteri kedua kepada Plaintiff selepas perceraian yang pertama. Mahkamah telah memutuskan Defendan untuk membayar Plaintiff sejumlah wang sebanyak RM2,000, baki hutang dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh keputusan dan RM200 bagi tiap-tiap bulan mulai Ogos 1998 sebagai tanggungan ke atas Plaintiff yang merupakan bapa kandung kepada Defendan (Khalil bin Abdullah lwn. Kamal bin Khalil, 1998).

Contoh lain melibatkan kes-kes jenayah sivil adalah seperti penderaan dan pengabaian sama ada secara emosi ataupun fizikal. Seorang pemuda dijatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen atas kesalahan mencederakan ibunya menggunakan batang besi mesin pemotong rumput. Berdasarkan pertuduhan, pemuda itu didapati dengan sengaja menghentak kepala ibunya menggunakan batang besi mesin rumput sehingga menyebabkan kecederaan kepada warga emas berkenaan di rumah mereka berpunca daripada keengganan ibunya memberikan duit kepadanya (Utusan Malaysia, 2018). Selain itu, terdapat kes melibatkan seorang pemuda telah membuat ugutan jenayah kepada ibunya dan beliau dihadapkan ke mahkamah di atas pertuduhan mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan. Mengikut pertuduhan, pemuda tersebut didakwa melakukan ugutan jenayah dengan mengugut menggunakan kata-kata kepada ibunya dengan niat menimbulkan rasa takut kepada ibunya. Sekiranya sabit kesalahan, pemuda tersebut bakal berhadapan dengan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali (Berita Harian, 2019).

Demikian juga kes-kes pengabaian yang hanya dilaporkan di akhbar semasa tanpa tindakan undang-undang. Sebagai contoh, kes warga emas lelaki yang ditinggalkan di surau yang pada asalnya diajak oleh anak saudaranya untuk solat berjemaah. Warga emas tersebut juga ditemui dalam keadaan lapar, keletihan dan mengalami sakit kaki akibat jangkitan kuman dan kini dalam penjagaan di rumah kebajikan di bawah pembiayaan Lembaga Zakat Selangor (Sinar Harian, 2021). Seterusnya kes warga emas wanita kudung sebelah kaki ditinggalkan bersendirian dengan kerusi roda di tepi jalan oleh ahli keluarganya sendiri. Ahli keluarga warga emas tersebut telah dihubungi namun tiada seorang waris yang sudi menjemputnya pulang ke rumah dengan memberikan pelbagai alasan. Warga emas ini juga telah ditempatkan di pusat jagaan warga emas dengan pembiayaan Lembaga Zakat Selangor (Harian Metro, 2021).

UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN WARGA EMAS DI MALAYSIA

Undang-undang merupakan peraturan yang dapat mengawal tingkah laku manusia. Tanpa undang-undang, sesebuah negara tidak dapat diurus dengan baik dan bersistem.

Oleh yang demikian, berikutan daripada isu dan permasalahan yang melanda Negara Malaysia, kertas kerja ini akan membincangkan secara terperinci antara akta-akta yang terlibat dalam melindungi warga emas di Malaysia iaitu Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), Kanun Keseksaan, dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA 1994 (AKTA 521)

Ramai mempunyai tanggapan bahawa akta ini hanya terpakai bagi kes keganasan rumah tangga yang melibatkan pasangan suami, isteri dan anak-anak sahaja. Namun begitu, merujuk kepada Seksyen 2 Akta 521, akta ini juga terpakai kepada warga emas. Seksyen 2 akta ini mendefinisikan 'keganasan rumah tangga' sebagai perlakuan satu perbuatan atau lebih yang berikut:

- (a) secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan, atau cuba meletakkan, mangsa itu dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal;
- (b) menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang diketahui atau yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal;
- (c) memaksa mangsa itu dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual ataupun selainnya, yang mangsa itu berhak tidak melakukan;
- (d) mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa itu;
- (e) melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disadari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kekusaran kepada mangsa itu;
- (f) menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa;
- (g) menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperoleh dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau
- (h) dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain.

Seterusnya seksyen ini menjelaskan bahawa keganasan rumah tangga ini boleh dilakukan oleh seseorang sama ada dengan sendiri melalui pihak ketiga, terhadap 5 pihak seperti berikut:

- (i) isteri atau suaminya;
- (ii) bekas isteri atau suaminya;
- (iii) kanak-kanak;
- (iv) orang dewasa tidak berkeupayaan; atau,
- (v) mana-mana anggota lain keluarga.

Berdasarkan kepada definisi ini, dapat ditakrifkan bahawa banyak aspek keganasan atau penderaan yang dilindungi oleh akta ini termasuklah penderaan secara emosi atau psikologi. Skop akta ini juga sebenarnya lebih luas mencakupi ibu, bapa dan juga saudara mara yang juga merupakan anggota keluarga yang terlibat. Hal ini juga dapat dilihat daripada Seksyen 2 Akta 521 yang telah mendefinisikan 'orang dewasa tak berkeupayaan' sebagai seseorang yang pada keseluruhannya atau sebahagiannya tidak berkeupayaan atau lemah disebabkan oleh kehilangan daya upaya fizikal, mental, tidak sihat atau usia tua yang tinggal sebagai seorang ahli keluarga, maka individu tersebut diklasifikasikan sebagai 'orang dewasa tak berkeupayaan'.

Namun begitu, terdapat limitasi dalam penggunaan 'orang dewasa tak berkeupayaan' kerana kecanggihan teknologi dan perubahan masa kini yang turut menyumbang kepada ramai warga emas yang berkeupayaan dan sihat. Sehubungan dengan itu, takrifan 'anggota lain keluarga' yang ditakrifkan sebagai 'anak lelaki atau anak perempuan dewasa, ibu atau bapa, abang, kakak atau adik, atau mana-mana saudara lain' boleh ditakrifkan untuk warga emas yang berkeupayaan dan masih sihat sekiranya menjadi mangsa penderaan dalam keluarga.

Sekiranya mana-mana ahli keluarga melakukan penderaan terhadap warga emas sehingga menyebabkan kecederaan fizikal kepada warga emas tersebut, maka keganasan rumah tangga telah berlaku kerana ianya memenuhi definisi yang telah dijelaskan.

Sebagaimana remedi yang terpakai kepada mangsa keganasan rumah tangga terutama melibatkan wanita, demikian juga Akta 521 ini terpakai kepada warga emas melalui peruntukan di Seksyen 4 iaitu Perintah Perlindungan Sementara, Seksyen 10 iaitu Pampasan sekiranya warga emas menjadi mangsa keganasan rumah tangga mengalami kecederaan diri atau kerosakan kepada harta atau kerugian kewangan akibat daripada keganasan rumah tangga itu, atau Seksyen 11 iaitu Kaunseling di mana Mahkamah boleh dalam apa-apa permohonan perintah perlindungan, mengeluarkan arahan kepada mangsa keganasan rumah tangga untuk merujuk kepada badan pendamai bagi mendamaikan pihak-pihak yang terlibat dalam kes penderaan tersebut.

Namun begitu, undang-undang ini kurang jelas dan kurang pemakaiannya terhadap perlindungan warga emas termasuklah pengabaian anak dalam memberikan nafkah kepada ibu bapa yang tidak berkeupayaan lagi untuk mencari nafkah. Berbeza dengan Negara Singapura, mereka mempunyai satu peruntukan khas di bawah Seksyen 3 Akta Nafkah Ibu Bapa 1995 atau *Maintenance of Parents Act 1995* yang memperuntukkan untuk anak-anak memberikan nafkah kepada ibu bapa yang berumur 60 tahun dan ke atas melalui permohonan kepada tribunal supaya anak mereka menyara hidup mereka dan perintah akan diberikan oleh tribunal kepada anak untuk menanggung ibu bapa mereka yang tidak berkemampuan untuk menyara hidup mereka sendiri. Hal ini perlu diteliti khususnya oleh kerajaan dan masyarakat umumnya bagi memastikan hak dan keperluan warga emas sentiasa terpelihara (Mustafa `Afifi Ab Halima, Abd Hamid Abd Murada dan Muhamad Firdaus Ab Rahmana, 2019). Selain itu, Akta 521 ini juga bersifat umum dan tidak khusus kepada warga emas serta tidak menyediakan peruntukan berkaitan penderaan emosi dan eksploitasi kewangan yang sering dihadapi oleh warga emas (Jal Zabdi Mohd Yusof, 2009). Tambahan lagi, sehingga kini tiada lagi rumah atau pusat perlindungan yang khusus kepada mangsa keganasan dari kalangan warga emas di Malaysia.

KANUN KESEKSAAN

Kanun Keseksaan juga boleh digunakan dalam menangani kes-kes melibatkan penderaan warga emas. Pemakaian Kanun Keseksaan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 3 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 yang memperuntukkan bahawa 'Akta ini hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang melibatkan kesalahan yang berhubungan dengan keganasan rumah tangga'.

Mana-mana ahli keluarga yang melakukan penderaan terhadap warga emas sehingga menyebabkan kecederaan fizikal boleh didakwa di bawah kesalahan Seksyen 323 dan 325 Kanun Keseksaan bergantung kepada tahap kecederaan yang dilakukan terhadap warga emas tersebut. Sekiranya disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 323, pesalah boleh dikenakan hukuman penjara satu tahun atau denda RM2,000 atau kedua-duanya sekali. Manakala sekiranya pesalah didapati bersalah di bawah peruntukan Seksyen 325 Kanun Keseksaan, maka boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 7 tahun dan juga denda.

Namun begitu, sebagaimana Akta 521, Kanun Keseksaan ini juga berbentuk umum dan tidak dikhususkan kepada warga emas. Malah, tidak semua kes melibatkan Kanun Keseksaan boleh dibaca bersama Akta 521. Sebagai contoh, seorang pemuda telah membuat ugutan jenayah kepada ibunya dan beliau dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan. Mengikut pertuduhan, pemuda itu didakwa melakukan ugutan jenayah dengan mengugut menggunakan kata-kata kepada ibunya dengan niat menimbulkan rasa takut kepada ibunya. Sekiranya sabit kesalahan, beliau bakal berhadapan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali (Berita Harian, 2019).

ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI SELANGOR) 2003

Di Malaysia, perkara-perkara yang berkaitan dengan orang Islam diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Hal ini selaras dengan peruntukan yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan yang dinyatakan di dalam Jadual Kesembilan, Senarai II yang menyenaraikan perkara-perkara yang diletakkan di bawah kuasa negeri. Contohnya, perkara berkaitan nafkah yang diwajibkan ke atas bapa terhadap anaknya diperuntukkan di dalam Akta atau Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri. Oleh yang demikian, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 akan dirujuk bagi tujuan perbincangan kertas kerja ini.

Secara umumnya Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUUKINS 2003) memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam khususnya berkaitan perkahwinan, perceraian, nafkah, jagaan dan perkara lain berkaitan dengan kehidupan berkeluarga bagi orang Islam. EUUKINS 2003 terpakai kepada semua orang Islam yang tinggal dan bermastautin di Negeri Selangor.

Antara peruntukan daripada keseluruhan EUUKINS 2003 yang menyentuh hak warga emas adalah peruntukan nafkah. Peruntukan nafkah diperuntukkan di dalam Bahagian VI EUUKINS 2003 yang menyebut tentang nafkah isteri, anak dan lain-lain. Melalui bahagian ini, terdapat peruntukan yang jelas berkaitan nafkah terhadap isteri oleh suami, kewajipan seorang bapa memberi nafkah kepada anak, kadar nafkah dan perkara-perkara lain yang bersangkutan dengan nafkah. Seksyen 60(1) EUUKINS 2003 memperuntukkan tentang perintah pembayaran nafkah bagi isteri oleh suami dan Seksyen 73(1) EUUKINS memperuntukkan kewajipan menanggung nafkah anak oleh bapanya. Penelitian bahagian ini menunjukkan bahawa tidak ada peruntukan yang khusus berkaitan tanggungjawab seorang anak untuk memberi nafkah kepada ibu dan bapanya.

Namun begitu, Seksyen 61 EUUKINS 2003 memperuntukkan secara umum mengenai perintah nafkah bagi seseorang tertentu. Seksyen 61 EUUKINS 2003 memperuntukkan seperti berikut:

Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang yang bertanggung tentang hal itu mengikut Hukum Syarak supaya membayar nafkah kepada seseorang lain jika dia tak upaya sepenuhnya atau sebahagiannya dari mencari kehidupan oleh sebab kerosakan otak atau jasmani atau tidak sihat dan Mahkamah berpuas hati bahawa memandang kepada kemampuan orang yang pertama tersebut itu adalah munasabah memerintahkan sedemikian.

Pemahaman yang diperoleh melalui peruntukan ini bahawa warga emas boleh termasuk di dalam tafsiran 'mana-mana orang'. Berdasarkan kepada seksyen tersebut juga, perintah bagi tujuan nafkah hanya akan dibuat oleh Mahkamah dengan melihat kepada ketidakupayaan orang yang bakal menerima nafkah mencari pendapatan disebabkan oleh 'kerosakan otak atau jasmani atau tidak sihat' namun boleh juga ditafsirkan kepada kanak-kanak.

Manakala peruntukan nafkah bagi orang bukan Islam diperuntukkan di dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian)1976 (Akta 164). Akta 164 ini diperuntukkan bagi menyediakan peruntukan berkaitan perkahwinan monogami dan pengupacaraan dan pendaftaran perkahwinan khususnya bagi orang bukan Islam di Malaysia. Perkara ini dijelaskan di dalam seksyen 3(3) Akta 164 yang memperuntukkan bahawa akta ini tidak terpakai kepada 'orang Islam atau bagi seseorang yang berkahwin di bawah Hukum Syarak'. Walau bagaimanapun, sekiranya salah seorang pasangan telah memeluk Islam, maka Akta 164 tidak menghalang mahkamah daripada memberi perintah perceraian dan ianya sah walaupun salah satu pihak telah memeluk Islam.

Seperti mana EUUKINS 2003, Akta 164 juga tidak mempunyai peruntukan yang khusus berkaitan kewajipan anak membayar nafkah kepada ibu bapa. Akta 164 hanya mengandungi peruntukan berkaitan nafkah seorang suami terhadap isteri dan anak yang diperuntukkan di dalam Bahagian VII dan Bahagian VIII Akta 164.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk menggubal satu undang-undang yang khusus kepada warga emas di Malaysia. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521), Kanun Keseksaan, dan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 yang telah dibincangkan juga jelas menunjukkan terdapat banyak lakuna yang masih perlu ditambah baik dalam setiap peruntukan yang diperuntukkan kepada warga emas. Undang-undang ini dilihat dalam bentuk tidak komprehensif dan holistik untuk menjamin seluruh aspek kemaslahatan warga emas. Malah, kes-kes pengabaian dan penderaan warga emas yang berlaku juga menunjukkan terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam undang-undang agar Malaysia lebih bersedia dalam menuju negara tua pada masa akan datang. Sebagaimana Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang khusus kepada kanak-kanak, adalah dicadangkan agar Malaysia juga perlu mempunyai Akta Warga Emas yang menyediakan peruntukan-peruntukan bagi setiap aspek berkaitan warga emas sesuai dengan umur dan keperluan mereka agar pengabaian dan penderaan terhadap warga emas dapat dikawal.

Isu peningkatan populasi warga emas juga telah menjadi satu perkara yang hangat dibincangkan di seluruh dunia. Pelbagai faktor menjadi penyumbang kepada peningkatan umur yang panjang pada masa kini.

Isu-isu pengabaian dan penderaan juga dilihat semakin meningkat seiring dengan peningkatan populasi warga emas negara. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2018 bagi kesihatan warga emas mendapati 8.5 peratus daripada 3,542 responden warga emas yang terlibat dalam tinjauan mengalami masalah demensia, dan sembilan peratus telah didera atau diabaikan. Walaupun Malaysia sudah mempunyai akta, peraturan, kaedah, dasar dan pelan tindakan bagi menjaga kebajikan dan keselamatan warga emas, namun masih bersifat umum dan belum dapat mengekang kes-kes pengabaian dan penderaan melibatkan warga emas. Oleh yang demikian, satu undang-undang khusus bagi melindungi warga emas daripada sebarang penganiayaan dan pengabaian haruslah digubal seiring dengan Malaysia menuju negara tua (MyMetro, 2019; Sinar Harian, 2019; Sinar Harian, 2020; BH Online, 2019; Astro Awani, 2019).

RUJUKAN

- Abd Hamid Abd Murad, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Mustafa 'Afifi Ab Halim, Hussein 'Azeemu Abdullah Thaidi dan Azman Ab Rahman. (2019). Peranan Institusi Wakaf dalam Melestarikan Pengurusan Warga Emas di Malaysia. *Persidangan Industri Warga Emas Peringkat Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah 2019* (ss. 16-23). Nilai, Negeri Sembilan: Usuli Faqih Research Centre PLT.
- Astro Awani. (23 September 2019). Noudettu osoitteesta Akta Khusus untuk Warga Emas Dikaji: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/akta-khusus-untuk-warga-emas-dikaji-dr-wan-azizah-218325>
- Azahari, Raihanah, Asmak Ab Rahman, Raihanah Abdullah, dan Mardhiah A. Rahim. (2018). The Philosophy of the Objective and Purpose of Islamic Law: Economic Protection of the Elderly. *Ethics and Decision-Making for Sustainable Business Practices*, ed. Ionica Oncioiu, 239-57.
- Berita Harian. (13 Mac 2019). Noudettu osoitteesta Tak Mengaku Salah Mengugut Ibu Sendiri: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/03/538422/tak-mengaku-salah-mengugut-ibu-sendiri>
- Berita Harian. (2019). Noudettu osoitteesta Tak Mengaku Salah Mengugut Ibu Sendiri.: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/03/538422/tak-mengaku-salah-mengugut-ibu-sendiri>
- BH Online. (1 Oktober 2019). Noudettu osoitteesta Wujud Akta Lindungi Kebajikan Warga Emas Langkah Tepat: <https://www.bharian.com.my/rencana/surat-pembaca/2019/10/612783/wujud-akta-lindungi-kebajikan-warga-emas-langkah-tepat>
- Che Leman Hamzah. (2003). *Warga Tua di Malaysia: Satu Kajian Terhadap Pesara-Pesara Kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor Darul Ehsan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Harian Metro. (21 Februari 2021). Noudettu osoitteesta Tergamak Tinggalkan Ibu Berkerusi Roda di Tepi Jalan: <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/02/676704/tergamak-tinggalkan-ibu-berkerusi-roda-di-tepi-jalan>
- Jal Zabdi Mohd Yusof. (2009). Jenayah dalam Keluarga: Penderaan dan Pengabaian Warga Tua di Malaysia. *International Conference on Corporate Law*, Surabaya, Indonesia.
- Kassim Bin Othman & Fatimah Binti Salleh v. Raja Suzana Binti Raja Kasim & Zul Azli Bin Hashim. (Jun 2010). *Pertikaian Mengenai Nafkah Usul*, 30(II), 299-323.
- Khalil bin Abdullah Iwn. Kamal bin Khalil. (18 Ogos 1998). *Tuntutan Nafkah Bapa Terhadap Anak*, 16(1), 19-28.
- Martin, Claudia, Diego Rodríguez-Pinzón, dan Bethany Brown. (2015). *Human Rights of Older People: Universal and Regional Legal Perspectives*. London: Springer.
- Masud, J., dan T. A. Hamid. (2017). Economic Hardship Among Elderly and Its Consequences Toward Cognitive Status. *Archives of Business Research*, 5(8), 123-36.
- Masud, Jariah, and Zumilah Zainalaludin. (2018). Gender And Poverty Among Elderly In Malaysia. *Archives of Business Research*, 6(12), 242-51.
- Mohd Uzir. (2017). *Siaran Akhbar - Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2016-2017*. Noudettu osoitteesta <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=VUdaQ2tVVjcwTEFUVVWp5aTVVQbjV1UT09>
- Mustafa 'Afifi Ab Halima, Abd Hamid Abd Murada dan Muhamad Firdaus Ab Rahmana. (2019). Penderaan Warga Tua di Malaysia: Perlindungan dalam Aspek Undang-Undang. *Persidangan Industri Warga Emas Peringkat Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah 2019* (42-48). Nilai: Usuli Faqih Research Centre PLT.
- MyMetro. (23 September 2019). Noudettu osoitteesta Akta Khas untuk Lindungi Hak Warga Emas: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/499734/akta-khas-untuk-lindungi-hak-warga-emas>
- Orimo, H., Ito, H., Suzuki, T., Araki, A., Hosoi, T., & Sawabe, M. (2006). Reviewing the Definition of "Elderly". *Geriatrics Gerontology International*, 6, 149-158.

- Pejabat Ketua Perangkawan Malaysia. (2016). *Siaran Akhbar-Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia 2014-2016*. Noudettu osoitteesta <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=SzVuRjlvV3JsUXUyOSzTQyNEVGQT09>
- Portal Rasmi Bahagian Pasca Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam. (12 Julai 2021). Noudettu osoitteesta <http://www.jpapencen.gov.my/>
- Ramely, Aslinda, Yarina Ahmad, and Nor Hafizah Mohamed Harith. (2018). Social Inclusion of Malaysian Elderly in Labour Market: The Enthusiasm Culture to Be Productive or Just Desperate For Money? *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5(Oct), 35-46.
- Sinar Harian. (27 Jun 2019). Noudettu osoitteesta Syor Undang-Undang Khusus untuk Warga Emas: <https://www.sinarharian.com.my/article/34671/BERITA/Nasional/Syor-undang-undang-khusus-untuk-warga-emas>
- Sinar Harian. (5 Oktober 2020). Noudettu osoitteesta Lindungi Hak Warga Emas: <https://www.sinarharian.com.my/article/103893/KHAS/Pendapat/Lindungi-hak-warga-emas>
- Sinar Harian. (6 Februari 2021). Noudettu osoitteesta Warga Emas Diajak Solat Jemaah Sebelum Ditinggalkan di Surau: <https://www.sinarharian.com.my/article/122625/EDISI/Warga-emas-diajak-solat-jemaah-sebelum-ditinggalkan-di-surau>
- Social Wellbeing Research Centre. (2019). Noudettu osoitteesta <https://fep.um.edu.my/research/research-centre/social-security-research-centre>
- Utusan Malaysia. (2010). Noudettu osoitteesta Bapa Tuntut Anak Bayar Nafkah: www.utusan.com.my
- Utusan Malaysia. (2018). Noudettu osoitteesta Pukul Ibu: Pemuda dipenjara 7 tahun dan 3 sebatan: <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/pukul-ibu-pemuda-dipenjara-7-tahun-3-sebatan-1.587147>
- World Assembly on Aging. (1982). Vienna, Austria.
- World Health Organization. (12 Julai 2021). Noudettu osoitteesta Health of an Elderly Person: www.who.int/healthinfo